

Pak Lah, Najib tidak dicabar dua jawatan tertinggi Umno

MT setuju sebulat suara

26/05/04 ms 1,2 BH

Page 1

Oleh Kadir Dikoh dan Azman Zakaria

KUALA LUMPUR: Majlis Tertinggi (MT) Umno bersetuju sebulat suara agar jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti tidak ditandingi pada pemilihan pucuk pimpinan parti September ini.

Dengan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang kini memangku jawatan Presiden dan Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas Timbalan Presiden parti, akan menang tanpa bertanding.

NGO temui PM bincang masalah wanita - Muka 2

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata ketika MT membuat keputusan itu kelmarin, Abdullah dan Najib tidak mengambil bahagian dalam perbincangan.

"Ahli MT hendak memberi pendapat mereka agar kedua-dua jawatan itu tidak ditandingi. Keputusan itu dicapai sebulat suara.

"Bagaimanapun, secara teknikalnya, mesyuarat perwakilan bahagian masih perlu mencalonkan kedua-dua pemimpin itu untuk jawatan berkenaan," katanya ketika dihubungi bagi menjelaskan kenyataan ringkasnya mengenai perkara itu semalam.

Perhimpunan Agung Umno akan diadakan dari 23 hingga 25 September ini, manakala perhimpunan pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri dijadualkan sehari sebelum itu. Mesyuarat cawangan pula diadakan sepanjang bulan depan dan persidangan peringkat bahagian dalam tempoh dua minggu mulai 8 hingga 22 Julai.

Khalil berkata, walaupun tiada desas-desus bahawa kedua-dua jawatan itu akan ditandingi, MT membuat keputusan itu sebagai jaminan atau simbolik yang ia tidak menyaksikan sebarang pertandingan.

"Apabila MT sudah membuat keputusan, bermakna tidak akan ada pertandingan kerana lazimnya pertandingan untuk jawatan berkenaan datangnya daripada kalangan pemimpin kanan parti.

Parti hormati kehendak ahli *Page 1, 2*

► **DARI MUKA 1** *26/05/04 BH M*

“Pemimpin kanan adalah anggota MT. Apabila MT buat keputusan sebulat suara bermakna tiada di kalangan mereka akan merebut jawatan itu dan biasanya tiada ahli di luar MT yang akan bertanding jawatan berkenaan,” katanya.

Khalil berkata, ahli MT meminta beliau selaku setiausaha agung parti mengumumkan perkara itu agar ahli sehingga peringkat bawah mengetahui keputusan berkenaan.

Najib ketika mengulas mengenainya berkata, keputusan ahli MT itu bukan bermakna prinsip demokrasi dalam Umno tidak dihormati sebaliknya ia mencerminkan kehendak ahli.

“Keputusan itu bukan atas permintaan saya atau permintaan pemangku Presiden tetapi terbit daripada hasrat murni ahli MT sendiri. Pada saya, kita sentiasa menghormati keputusan yang dibuat oleh ahli Umno.

“Kalau sesuatu jawatan itu tidak dipertandingkan atau sebaliknya, ini adalah hak ahli Umno untuk menentukan berasaskan faktor kita menang dengan majoriti begitu besar dan penting untuk menghormati keputusan rakyat.

“Maknanya parti hendaklah menghormati keputusan rakyat selepas rakyat memberi kemenangan dan mandat serta amanah yang luar biasa kepada kepimpinan Umno untuk mengetuai kerajaan,” katanya selepas majlis menandatangani perjanjian antara Eurocopter Malaysia dan Composites Technology Research Malaysia (CTRM) di Subang, petang semalam.

Ditanya mengapa usul seperti itu tidak menunggu sehingga mesyuarat bahagian Umno mulai 8 Julai ini untuk menyatakan demikian, beliau berkata: “Ini kerana MT berasaskan tidak ada apa-apa gambaran pada peringkat akar umbi parti bahawa ada keinginan untuk mencabar jawatan Presiden, Timbalan Presiden.”